

# 20 agensi penguat kuasa diperhatikan

Kerajaan tubuh Jawatankuasa Aduan untuk kendali aduan salah laku

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**K**erajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Aduan (JKA) bagi memantau pengendalian aduan kes-kes salah laku membabitkan 20 agensi penguat kuasa.


Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan JKA dibuat berikutan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) dinaik taraf kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang menyiasat kes salah laku membabitka anggota polis.

“Kerajaan mengambil maklum isu berbangkit berkaitan pemantauan ke atas 20 agensi penguatkuasaan. Sehubungan itu, mesyuarat secara prinsip bersetuju dengan cadangan daripada SIAP bagi mengkaji keperluan menubuhkan JKA bagi memastikan penguat kuasa dapat dilaksanakan seiring dengan pemantauan polis,” katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa tersebut akan ditubuhkan secepat mungkin dan dikendalikan satu agensi kerajaan yang akan ditentukan kemudian.

Difahamkan, terdapat 68,986 penjawat awam daripada 20 agensi penguatkuasaan yang akan diletakkan di bawah jawatankuasa pemantauan ini.

“Kita akan putuskan siapa yang ber-



Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengurusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 11 di Putrajaya semalam. Turut kelihatan, Abu Kassim (kiri).

ada dalam jawatankuasa tersebut,” katanya pada sidang media selepas mempengurusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 11 di sini semalam.

Turut hadir pada sidang media itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GI-ACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Julai lalu, Rang Undang-undang (RUU) IPCMC 2019 dibentangkan di Dewan Rakyat bagi menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan (EAIC) agar integriti dan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipertingkatkan.

IPCMC akan bertindak sebagai badan pemantau bebas untuk menerima aduan dan menjalankan siasatan terhadap salah laku anggota polis.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, sebanyak 182 kertas kerja berkaitan cadangan dan isu governans, integriti dan anti-rasuah dibentangkan dan dimaklumkan dalam mesyuarat JKKMAR.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 47 cadangan dan usul selesai serta diambil tindakan,” katanya.

Sebanyak 22 daripada 115 inisiatif di dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah selesai dilaksanakan termasuk pengisyitihan harta oleh anggota pentadbiran, manakala 93 inisiatif pula masih dalam tindakan.

### 20 agensi penguat kuasa di bawah seliaan SIAP

1. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
2. Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM)
3. Ikatan Relawan Malaysia (Rela)
4. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
5. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
7. Jabatan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (JKKP)
8. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
9. Jabatan Penerbangan Awam (DCA)
10. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
11. Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPPM)
12. Jabatan Perikanan Malaysia
13. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)
14. Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
15. Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatuasaan)
16. Kementerian Pelancongan Malaysia (Unit Penguatuasaan Bahagian Perlesenan)
17. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepengguanan (Bahagian Penguatuasaan)
18. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatuasaan)
19. Lembaga Pelesehan Kenderaan Perdagangan (LPKP)
20. Pendaftar Perniagaan (ROS)